

11 JAN 1996

Gantung-Karpal

KARPAL MAHU TEMUI PM UNTUK DAPATKAN PENANGGUHAN

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Dalam usaha terakhirnya untuk menyelamatkan dua pengedar dadah daripada menjalani hukuman gantung, yang dijadualkan esok, peguam Karpal Singh cuba menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mohamad di Bangunan Parlimen hari ini untuk mendapatkan penangguhan pelaksanaan hukuman gantung itu.

Tetapi beliau memberitahu pemberita kemudian bahawa percubaannya gagal dan sebaliknya beliau menyampaikan hasratnya itu kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Nazri Abdul Aziz.

Terdahulu, Karpal Singh, yang dikerumuni anggota-anggota keluarga kedua-dua banduan itu, memberitahu persidangan berita di pejabatnya di sini bahawa beliau akan tetap mencuba menemui Perdana Menteri walaupun jika terpaksa menunggu di luar kediaman Dr Mahathir.

"Jika gagal juga, saya akan mencuba ke peringkat tertinggi sehingga kepada Yang di-Pertuan Agong," kata Karpal Singh, seorang daripada peguambela yang disegani bagi kes-kes pengedaran dadah di negara ini.

Mustaffa Kamal Abdul Aziz, 39 dan Mohamed Radi Abdul Majid, 57, kedua-duanya penjaja di Jalan Chow it di sini, dijatuhkan hukuman gantung pada 9 Mac, 1991, kerana kesalahan mengedar 1,187gm ganja.

Karpal Singh berkata beliau meminta penangguhan pelaksanaan hukuman gantung itu atas dasar kemanusiaan dan teknikal.

"Kedua-duanya dimaklumkan mengenai hukuman gantung mereka pagi esok, pada pagi ini. Mereka sepatutnya diberi masa yang mencukupi bagi menyelesaikan masalah peribadi dan keluarga atau untuk membuat wasiat," katanya.

Beliau juga menunjukkan surat dapada Peguamcara Negara Datuk Heliliah Mohamed Yusof yang membalas surat rayuannya kepada Jabatan Peguam Negara yang meminta jabatan itu menangguhkan pelaksanaan hukuman gantung itu.

Antara yang hadir pada persidangan berita itu ialah ibu Mustaffa, Sinusi Putih, 65, isterinya Nurhayati Abidin, 30, dan anak lelakinya Mustaffa Shamheirt, 10.

Karpal Singh memberitahu pemberita di Bangunan Parlimen bahawa hasil rayuannya kepada Perdana Menteri menerusi Nazri dijangka diketahui malam ini.

Sementara itu, Karpal Singh memberitahu pemberita di sini malam ini bahawa Nazri memaklumkan kepadanya bahawa Perdana Menteri tidak dapat berbuat apa-apa mengenai perkara itu "kerana ia sudah terlambat."

Beliau, yang kesal dengan jawapan Dr Mahathir itu, berkata Perdana Menteri mempunyai banyak masa untuk melakukan sesuatu mengenai penangguhan hukuman gantung itu.

Bagaimanapun beliau menghargai bantuan Nazri yang menyampaikan hasratnya mendapatkan penangguhan hukuman gantung itu kepada Perdana Menteri.

Ketika ditanya sama ada beliau akan membawa perkara itu kepada Yang di-Pertuan Agong seperti yang dikatakannya sebelum ini, Karpal Singh berkata beliau tidak akan berbuat demikian setelah usahanya mendapatkan bantuan Perdana Menteri gagal. -- BERNAMA